

SISTEM Penapisan Air Ultra mudah alih berkuasa solar yang dibangunkan Prof Dr Mohd Azlan mampu menampung 700 liter air pada setiap jam.

Kuantan: Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mendapat kepercayaan daripada pihak antarabangsa bagi menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan inovasi atau sistem memberi manfaat kepada rakyat.

Terbaharu, UMP menerusi Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS) menjalinkan kerjasama dengan syarikat dari Jepun, Asahitechno Co Ltd Japan bagi perkongsian teknologi menangani masalah banjir di negeri ini.

Kerjasama turut memba-

UMP kaji teknologi tangani banjir

bitkan Universiti Yamaguchi, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

ERAS UMP turut menerima geran RM130,000 daripada Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) bagi menjalankan penyelidikan yang akan diketuai Pengarah ERAS, Prof Madya Dr Muzamir Hasan.

Muzamir berkata, Asahi-

techno memberi kepercayaan kepada UMP kerana kemampuan universiti itu dari segi profesionalisme, kemahiran dan kepakarannya menerusi beberapa siri kerjasama sebelum ini.

Katanya, kerjasama terbaharu itu diharap dapat mengatasi banjir yang sering berlaku di Pahang khususnya di Sungai Isap, di sini, menggunakan kaedah telaga super tempu (SWP).



+ NAIB Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim (lima dari kanan) dan Prof Madya Dr Muzamir (tiga dari kanan) bergambar bersama wakil Asahitechno Co. Ltd Japan dan agensi lain.